

Ancaman makanan segera

Oleh AHMAD KAMIL MOHAMED

"SUDAH rasa produk terbaru Mc Donald's ke belum, yang sedang hebat ditayangkan iklannya kat televisyen tu. Boleh tahan gak, cubalah." Begitulah kata-kata yang terhambur dari mulut seorang kawan yang memang pencinta makanan segera.

Sayangnya, saya bukan kalangan peminat makanan segera. Begitulah kuatnya pengaruh iklan kepada orang ramai.

Memang tidak dapat dinafikan akan kehebatan iklan dalam mempengaruhi pengguna membuat keputusan untuk membeli produk atau perkhidmatan.

Antara yang menarik perhatian pengguna ialah iklan makanan segera di media cetak dan elektronik. Berbanding dengan kesan di media cetak yang mungkin tidak begitu hebat, pemaparan iklan makanan segera di media elektronik dilihat begitu kuat mempengaruhi pengguna.

Justeru itulah, syarikat-syarikat yang menerajui empayar makanan segera tidak teragak-agak membelanjakan jutaan ringgit ke atas iklan, penajaan dan promosi untuk menawan hati orang ramai akan kehebatan produk mereka.

McDonald's, gergasi makanan segera umpamanya membelanjakan AS\$ 1.8 bilion setahun untuk promosi dan iklan di Amerika Syarikat sehingga hampir semua kanak-kanak seawal dua tahun su-

U.M MS 2 21/02/07

langkah yang amat bijak dan perlu dilaksanakan segera bagi membantu masyarakat negara ini mengamalkan gaya hidup sihat.

Umum mengetahui bahawa makanan segera ini tidak mengandungi zat pun kecuali kandungan lemaknya yang tinggi di samping MSG yang menjadikannya begitu enak dan menerbitkan rasa ketagih di kalangan penggemarnya.

Namun pengetahuan terhadap mudarat makanan segera tidak berupaya membendung kegilaan orang ramai terhadap makanan segera yang kian bermaharajalela kini walaupun pelbagai masalah kesihatan yang berkaitan dengan pemakanan ini seperti obesiti, darah tinggi dan sebagainya.

Peranan yang dimainkan oleh persatuan pengguna seperti CAP dan FOMCA misalnya melalui penerbitan buletin pengguna, risalah-risalah yang acap kali mengutarakan bahaya yang terkandung dalam makanan segera seolah-olah dipandang sepi oleh sebahagian besar daripada kita.

Ini mungkin kerana tidak ada *endorsement* daripada pihak yang berkuasa seperti Kementerian Kesihatan berhubung kesahihan dakwaan tersebut selain daripada tiadanya kesan serta-merta yang dialami ekoran pengambilan makanan tersebut.

Ini ditambah pula dengan iklan melampau tentang makanan segera yang berupaya dengan mudahnya mengheret



PAKAR-pakar pemakanan sependapat bahawa makanan segera mengandungi lemak, garam dan gula yang tinggi sehingga boleh memudaratkan pengguna.

— Gambar hiasan

Selain daripada kandungan MSG dan pewarna kimia tidak berupaya menyekat kegilaan orang ramai untuk menolak hidangan yang dipromosikan sebagai satu "kesedapan sehingga menjilat jari"

dah mula mengenali watak Ronald Mc Donald's arka emas.

Menariknya arka emas ini dipaparkan sebagai syurga yang menjamin hidup yang selamat, ceria dan penuh dengan keseronokan khususnya kepada kanak-kanak.

Restoran makanan segera dipaparkan sebagai tempat yang menarik bukan sahaja untuk menjamu selera malah sekali gus medan santai untuk seluruh keluarga terutamanya kanak-kanak yang turut disediakan kemudahan untuk bermain gelongsor dan sebagainya.

Dengan pengenalan produk-produk baru ditambah pula dengan ungkapan kata-kata yang cukup menarik, para pengguna yang taksab akan mudah terjerat dalam kemelut makanan segera. Untuk menambat hati golongan kanak-kanak pula, pemberian hadiah berupa permainan dijadikan umpan yang cukup berkesan.

Justeru, bagi ibu bapa yang semangannya tidak berminat untuk ke restoran makanan segera mudah sahaja tewas dengan pujuk rayu si anak yang mengidamkan hadiah permainan yang ditawarkan itu.

Justeru cadangan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek untuk menghentikan iklan makanan segera yang disifatkan sebagai pembunuh senyap itu dan kesediaan Menteri Penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin menghentikan penyarannya adalah satu

orang ramai terjebak dalam kegilaan makanan segera.

Rasanya, seketul ayam goreng KFC misalnya yang dikatakan sarat dengan lemak (hampir 60 peratus kalori diperolehi dari lemak) dan mengandungi begitu banyak garam.

Selain daripada kandungan MSG dan pewarna kimia tidak berupaya menyekat kegilaan orang ramai untuk menolak hidangan yang dipromosikan sebagai satu "kesedapan sehingga mejjilat jari" Begitu juga pelbagai resipi menarik untuk memancing orang ramai yang dipaparkan secara berlebihan melalui iklan dilihat berjaya membuat penggila makanan segera untuk tidak mempercayai bahawa segelas kola misalnya amat kaya dengan gula sehingga mencecah 14 sudu teh gula selain daripada pewarna kimia dan kafein yang nilai makanan sebenarnya kosong!

Malah pakar-pakar pemakanan seluruh dunia berpendapat bahawa makanan segera memang memudaratkan. Misalnya Big Mac produk Mc Donald's mengandungi 28 gram lemak tepu selain daripada pelbagai bahan yang memudaratkan kesihatan.

Apabila soalan ini diajukan kepada Mc Donald's, mereka berkata, mereka tidak menjual zat makanan dan orang ramai datang ke Mc Donald's bukan untuk zat makanan.

Lebih mengejutkan lagi apabila pakar kanser Mc Donald's sendiri Dr. Sydney

Arnott mengaku bahawa dia tidak keberatan untuk menghebahkan kepada umum bahawa makanan yang mengandungi lemak, garam dan gula yang tinggi tetapi kurang serat, galian dan vitamin dalam makanan segera Mc Donald's memang ada kaitan dengan kanser sekiranya diarahkan berbuat demikian.

Makanan segera sebenarnya sudah lama ditolak oleh masyarakat antarabangsa yang prihatin dengan kesihatan. Pada tahun 1990 misalnya, London Greenpeace telah mengedarkan risalah enam muka surat yang bertajuk "Apa yang tidak baik tentang Mc Donald's - sesuatu yang Mc Donald's tidak ingin anda mengetahuinya".

Antara lain menjadikan isu bahaya makanan segera kepada kesihatan manusia sejagat selain daripada kesan terhadap ekosistem bukan manusia melalui penebangan hutan untuk mewujudkan ladang-ladang ternakan lembu seperti di Brazil justeru permintaan yang semakin meningkat untuk pasaran hamburger di Asia. Untuk itu United Kingdom dilaporkan mengorbankan 12,000 ekor lembu setahun dan bilangan ini pasti meningkat seiring kegilaan orang ramai terhadap makanan segera ini.

Justeru itu, amat malang sekiranya ketika kebanyakan negara lain di dunia sudah menolak makanan segera, kita di Malaysia masih lagi dibuai kenikmatan makanan segera yang sudah jelas lebih banyak mengundang mudarat daripada

baikian!

Pun begitu kita masih belum terlambat untuk menyelamatkan generasi kita daripada bahana penjajahan melalui jenama yang didagangkan atas nama globalisasi ini. Menghentikan penyiaran iklan yang dilihat terlalu berlebihan terhadap mempromosikan budaya makanan segera sehingga melunturkan rasa cinta terhadap makanan Timur merupakan langkah amat bijak dan perlu disusuli dengan langkah seterusnya.

Untuk meyakinkan orang ramai terhadap bahaya makanan segera, persatuan pengguna perlu bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Pelajaran dan juga Kementerian Penerangan melalui gerakan bersepadu supaya kegilaan terhadap makanan segera ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. Lebih banyak klip video yang memaparkan mudarat makanan segera perlu disiarkan melalui televisyen.

Di sekolah pula, kanak-kanak perlu dididik agar tidak terlalu cenderung kepada makanan segera sehingga mereka lebih mengenali *french fries* dari kerepek ubi dan menggemari *smashed potatoes* daripada ubi ketuk!

PENULIS ialah pensyarah Jabatan Bahasa Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Segamat, Johor.